

orang kaya dan dikembalikan kepada orang-orang fakir miskin.⁸² Jika mereka menerimanya, maka ambillah daripada mereka (sebahagian daripada harta mereka) dan elakkan dirimu daripada mengambil harta-harta mereka yang baik-baik sahaja.

باب الأمر بقتال الناس حتى يقولوا لا إله إلا الله محمد رسول الله ويقيموا الصلاة ويؤتوا الزكاة ويؤمنوا بجميع ما جاء به النبي صلى الله عليه وسلم وأن من فعل ذلك عصم نفسه وماله إلا بحقها وولت سريرته إلى الله تعالى وقال من منع الزكاة أو غيرها من حقوق الإسلام وأهتَمَّ الإمام شعائر الإسلام

Bab Perintah Memerangi Manusia Sehingga Mereka Mengucap لا إله إلا الله محمد رسول الله, Mendirikan Sembahyang, Memberi Zakat Dan Beriman Dengan Segala Apa Yang Dibawa Oleh Nabi s.a.w., Dan Orang Yang Melakukan Itu, Dia Telah Memelihara Dirinya Dan Hartanya Kecuali Dengan Haknya, Dan Terserahlah Hakikatnya Itu Kepada Allah SWT, Dan Bab Menyatakan Perang Dengan Orang Yang tidak Memberi Zakat Dan Sebagainya Daripada Hak-Hak Islam, Dan Imam Mengambil Berat Tentang Syi'ar-Syi'ar Islam.

⁸² 'Ulama' khilaf tentang masalah pembahagian zakat, sama ada kepada orang miskin setempat atau di luar kawasan. Syafi'e dalam salah satu pendapatnya mengatakan zakat setempat hendaklah dikembalikan kepada orang setempat juga dan ia tidak boleh dikeluarkan daripada kawasan / negeri di mana zakat itu tldipungut. Dlm satu lagi pendapatnya beliau mengatakan, harus diberi zakat kepada orang Islam di luar kawasan / negeri tempat zakat dipungut. Ini adalah madzhab Malik dan pendapat ini lebih utama.

١٨ - عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ لَمَّا تُوُفِّيَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَاسْتُخْلِفَ أَبُو بَكْرٍ بَعْدَهُ وَكَفَرَ مَنْ كَفَرَ مِنَ الْعَرَبِ قَالَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ لِأَبِي بَكْرٍ كَيْفَ تُقَاتِلُ النَّاسَ وَقَدْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُمِرْتُ أَنْ أَقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَقُولُوا لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ فَمَنْ قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ فَقَدْ عَصَمَ مِنِّي مَالَهُ وَنَفْسَهُ إِلَّا بِحَقِّهِ وَحِسَابِهِ عَلَى اللَّهِ فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ وَاللَّهِ لَا أَقَاتِلَنَّ مَنْ فَرَّقَ بَيْنَ الصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ فَإِنَّ الزَّكَاةَ حَقُّ الْمَالِ وَاللَّهُ لَوْ مَنَعُونِي عَقَالًا كَانُوا يُؤْذُونَهُ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَقَاتَلْتُهُمْ عَلَى مَنْعِهِ فَقَالَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ فَوَاللَّهِ مَا هُوَ إِلَّا أَنْ رَأَيْتُ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ قَدْ شَرَحَ صَدْرَ أَبِي بَكْرٍ لِلْقِتَالِ فَعَرَفْتُ أَنَّهُ الْحَقُّ

18 - Abu Hurairah meriwayatkan, katanya: Bila Rasulullah s.a.w. wafat,⁸³ dan Abu Bakar dilantik sebagai khalifah sesudahnya. Sebahagian orang `Arab ada yang berbalik menjadi kafir. Umar Ibn Al Khatthab berkata kepada Abu Bakar: Bagaimana engkau hendak memerangi mereka, sedangkan Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Aku telah diperintahkan supaya memerangi manusia sehingga mereka mengucap لا اله الا الله. Sesiapa yang telah mengucapkan لا اله الا الله bermakna dia telah memelihara daripadaku hartanya dan nyawanya kecuali dengan haknya.⁸⁴ Hakikatnya (perhitungan diri mereka yang sebenarnya) terserah kepada Allah. Berkata Abu Bakar: Demi Allah! Pasti akan kuperangi⁸⁵ orang yang membezakan di antara sembahyang dan zakat, kerana zakat itu adalah hak harta. Demi Allah! Kalau mereka tidak memberi kepadaku tali pengikat unta⁸⁶

⁸³ Selepas kewafatan Rasulullah s.a.w., timbullah gejala murtad. Murtad boleh dibahagi kepada 4 jenis: (1) Golongan yang megikut mereka yang mendakwa sebagai nabi, mereka cuba melawan dan menghancurkan Islam. Orang-orang itu seperti Musailamah dan Aswad al `Ansi. (2) Golongan yang kembali semula kepada agama asal mereka. (3) Golongan yang pada dasarnya tidak menolak Nabi s.a.w. dan membantah sesetengah perkara yang dahulu dilakukan semasa Nabi s.a.w. masih hidup. Seperti tidak mahu memberi zakat semasa pemerintahan Abu Bakar. Ini sebenarnya adalah satu bentuk pemberontakan terhadap pemerintah yang telah menggantikan Nabi s.a.w. (4) Golongan munafiq.

⁸⁴ Hak syahadah ialah menjaga sembahyang, zakat dan sebagainya. Orang yang tidak menjaganya patut diperangi. Termasuk dalam 'kecuali dengan haknya' juga ialah hukuman bunuh ke atas orang yang membunuh, bukan bermakna orang yang sudah mengucap syahadah itu tidak boleh dibunuh.

⁸⁵ Yang nyata daripada perbuatan Abu Bakar ialah perang yang sebenar. Kata Ibn Daqiqil 'id, 'perang' bukan bermaksud bunuh tetapi maksudnya: aku akan tentang/lawan/berhujjah atau dengan apa cara sekalipun walaupun sampai peringkat bunuh-membunuh pun akan kulakukan. Kata Imam Syafi'e: kadang-kadang seseorang itu boleh dilawan / ditentang tetapi tidak halal dibunuh.

⁸⁶ Sesetengah `ulama' mengatakan, unta itu sendiri atau anak unta atau anak kambing.

Antara kesimpulan yang dapat dipetik daripada hadits ini ialah: (1) Hadith ini menunjukkan kelebihan Abu Bakar dari segi keberanian dan `ilmu. (2) Boleh berbincang dengan pemimpin, orang `ilmu dan orang yang lebih berusia daripada kita. (3) Wajib menjaga diri dan harta orang

yang dahulu mereka selalu beri kepada Rasulullah s.a.w., nescaya pasti akan kuperangi mereka kerana tidak mahu memberinya. 'Umar bin Khatthab lantas berkata: Demi Allah! Aku yakin tiada lain melainkan Allah SWT telahpun membuka dada (hati) Abu Bakar untuk perang. Kemudiannya aku tahu (percaya) bahawa itulah (pendapat Abu Bakar) yang benar.

١٩- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أُمِرْتُ أَنْ أُقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَيُؤْمِنُوا بِي وَمَا جُنْتُ بِهِ فَإِذَا فَعَلُوا ذَلِكَ عَصَمُوا مِنِّي دِمَاءَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ إِلَّا بَحْثَهَا وَحِسَابُهَا عَلَى اللَّهِ

19- Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, aku telah diperintahkan untuk memerangi manusia⁸⁷ sehingga mereka bersaksi⁸⁸ bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan beriman denganku serta apa yang kubawa,⁸⁹ bila mereka telah melakukan demikian, terpeliharalah darah dan harta mereka daripadaku melainkan dengan haknya,⁹⁰ dan perhitungan mereka⁹¹ terserah pada Allah.⁹²

yang mengucap syahadah daripada dicero bohi. (4) Hukuman kepada seseorang adalah berdasarkan yang nyata dan zahir daripada orang itu. Apa yang terbuku didalam hatinya tidak dikira dan diserahkan hanya kepada Allah. (5) Harus menggunakan qias dalam membuat keputusan dan juga beramal dengannya. (6) Wajib memerangi orang yang tidak mengeluarkan zakat, sembahyang dan tidak melakukan kewajipan-kewajipan Islam yang lain walaupun sedikit. (7) Wajib memerangi golongan pemberontak. (8) Kebenaran itu apabila sudah nyata, mesti dituruti walaupun pada mulanya kita tidak menyetujuinya. (9) Tidak boleh menyalahkan 'ulama' - 'ulama' mujtahid yang berbeza pendapat dalam masalah furu'.

⁸⁷ Di seluruh pelusuk dunia.

⁸⁸ Mengakuinya dengan lidah dan mempercayainya dengan hati.

⁸⁹ Seperti syariat, hukum-hakam, amar ma'ruf dan nahi mungkar.

⁹⁰ Yakni daripada ditumpahkan dan diambil.

⁹¹ Hakikat yang tersembunyi di dalam hati mereka.

⁹² **Antara kesimpulan yang dapat dipetik daripada hadits ini ialah:** (1) Berjihad dengan senjata adalah satu syariat dalam menegakkan akidah tauhid. (2) Manusia harus diperangi sehingga mereka menerima Islam, namun ia bukanlah langkah pertama yang perlu diambil. (3) Pengakuan syahadah dengan lidah sudah memadai untuk diterima. (4) Seseorang yang mengucapkan dua kalimah syahadah perlu dianggap sebagai orang Islam dan terikat dengan hukum-hakamnya, walaupun dia sebenarnya menyembunyikan kekufuran. (5) Allah tidak akan tertipu dengan helah orang-orang munafik dan Dia akan membalas perbuatan mereka di hari akhirat nanti. (6) Seorang Islam itu tidak boleh dibunuh, dicerderakan atau diambil harta benda mereka. (7) Dalam kes-kes tertentu, keislaman seseorang itu tidak boleh menyelamatkan darah dan harta benda mereka. (8) Tidak ada gunanya mempercayai Nabi Muhammad itu sebagai utusan Allah sekiranya ajaran yang dibawanya itu ditolak.

٢٠ - عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُمِرْتُ أَنْ أَقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ فَإِذَا فَعَلُوا عَصَمُوا مِنِّي دِمَاءَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ إِلَّا بِحَقِّهَا وَحِسَابُهُمْ عَلَى اللَّهِ

20- Abdullah bin 'Umar meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, aku telah diperintahkan untuk memerangi manusia sehingga mereka bersaksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan bahawasanya Muhammad itu pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, membayar zakat. Bila mereka telah melakukan demikian, terpeliharalah darah dan harta mereka daripadaku melainkan dengan haknya, dan perhitungan mereka terserah pada Allah.

٢١ - عَنْ أَبِي مَالِكٍ عَنْ أَبِيهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ مَنْ قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَكَفَرَ بِمَا يُعْبَدُ مِنْ دُونِ

اللَّهِ حَرَّمَ مَالَهُ وَدَمَهُ وَحِسَابُهُ عَلَى اللَّهِ

21- Abu Malik ⁹³ meriwayatkan daripada bapanya, katanya aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, barangsiapa mengucap لا اله الا الله (tiada tuhan melainkan Allah) ⁹⁴ serta menolak sembahsan selain Allah, haramlah harta dan darahnya, perhitungannya terserah kepada Allah.

⁹³ Nama beliau ialah Sa'ad bin Thoariq bin Asyyam al-Asyja'i al-Kufi.

⁹⁴ Riwayat ini ringkas, maksudnya 'La ilaha illallah' bersama padanannya 'Muhammad Rasulullah' kerana keduanya tidak mungkin boleh dipisahkan oleh umat Nabi Muhammad.